

|                                                                                                             |                                           |                                   |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|-----------------------------------|
| <b>PLAN</b> Malaysia<br><small>Perancangan Melangkaui Kelaziman<br/> Planning : Beyond Conventional</small> | <b>SEMAKAN DAN KELULUSAN LAPORAN AWAL</b> | <b>NO. KELUARAN :</b><br><b>5</b> |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------|-----------------------------------|

**DISEDIAKAN OLEH :**

**TANDATANGAN :**



**NAMA :** ZAIFULZAHRI BIN KAMDE

**JAWATAN :** PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH

**TARIKH :** 17/10/2023

**DILULUSKAN OLEH :**

**TANDATANGAN :**



**NAMA :** TPr MD NAZRI BIN ABDULLAH

**JAWATAN :** TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)

**TARIKH :** 17/10/2023

### 1.0 OBJEKTIF

Dokumen ini bertujuan untuk dijadikan panduan di dalam memandu dan menyemak Laporan Awal, selaras dengan kehendak Terma Rujukan.

### 2.0 SKOP

Prosedur ini merangkumi tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memastikan Laporan Awal mengandungi skop dan pendekatan kajian termasuk kaedah pengumpulan dan analisis data ke arah penyediaan Rancangan Wilayah. Laporan Awal hanya akan disediakan sekiranya kajian melibatkan pelantikan perunding.

### 3.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

| NO. | TANGGUNGJAWAB                                                        | TINDAKAN                                                                                                                 |
|-----|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.0 | <b>Pengenalan Perunding</b>                                          |                                                                                                                          |
| 1.1 | <b>TKP (Perancangan) / Pengarah BPW</b>                              | Mengadakan perbincangan bersama perunding untuk penyediaan                                                               |
| 1.2 | <b>Pasukan Kajian</b>                                                | Menyediakan Draf Laporan Awal mengikut format di Lampiran 1.                                                             |
| 2.0 | <b>Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan</b>                           |                                                                                                                          |
| 2.1 | <b>TKP (Perancangan) / Pengarah BPW</b>                              | Mempengerusikan Mesyuarat JK Penyelarasan bersama Pasukan Kajian bagi membincangkan Draf Laporan Awal.                   |
| 2.2 | <b>Pengarah BPW / KU</b>                                             | Membentang dan memastikan Perunding membuat pindaan berdasarkan keputusan Mesyuarat JK Penyelarasan (jika ada).          |
| 3.0 | <b>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal</b>                               |                                                                                                                          |
| 3.1 | <b>KP / TKP (Perancangan)</b>                                        | Mempengerusikan Mesyuarat JK Teknikal bagi Draf Laporan Awal di dalam Mesyuarat JK Teknikal untuk kelulusan.             |
| 3.2 | <b>Pengarah BPW / KU</b>                                             | Membentang dan memastikan Perunding membuat pindaan berdasarkan keputusan Mesyuarat JK Teknikal (jika ada).              |
| 4.0 | <b>Penilaian Prestasi Perunding (Sekiranya Melibatkan Perunding)</b> |                                                                                                                          |
| 4.1 | <b>Pengarah BPW / KU</b>                                             | Rujuk prosedur PLANMalaysia (JPBD) (IP) PKT 03 : Pengurusan Pemilihan, Perlantikan dan Penamatan Perkhidmatan Perunding. |

#### 4.0 REKOD-REKOD KUALITI

| Bil. | Nama Rekod                          | Lokasi    | Tempoh Simpanan |
|------|-------------------------------------|-----------|-----------------|
| 1.   | Minit Mesyuarat JK Penyelarasan     | JPBD (IP) | 5 tahun         |
| 2.   | Minit Mesyuarat JK Teknikal         | JPBD (IP) | 5 tahun         |
| 3.   | Draf Laporan Awal                   | JPBD (IP) | 5 tahun         |
| 4.   | Laporan Awal                        | JPBD (IP) | 5 tahun         |
| 5.   | Penilaian Prestasi Perunding Kajian | JPBD (IP) | 5 tahun         |

| <b>FORMAT LAPORAN AWAL</b> |                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|----------------------------|------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>1.0</b>                 | Latar Belakang Kawasan RW                | <ul style="list-style-type: none"> <li>Penerangan terhadap perletakan dan sempadan kawasan kajian merangkumi kawasan pembangunan dan kawasan berpotensi dalam wilayah tersebut selaras dengan keperluan pembangunan wilayah tersebut.</li> </ul>                                                                                          |
| <b>2.0</b>                 | Keperluan Kajian                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan Rancangan Wilayah berdasarkan kepada keperluan Akta 172.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                     |
| <b>3.0</b>                 | Rangka Kerja Perancangan dan Pembangunan | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menerangkan asas pembentukan hala tuju perancangan berdasarkan daripada kajian-kajian sedia ada serta mengambil kira dasar dan strategi yang dikenal pasti dalam Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri dan sebagainya.</li> </ul>                                                    |
| <b>4.0</b>                 | Matlamat dan Objektif Kajian             | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemantapan matlamat dan objektif berdasarkan kepada Terma Rujukan dan pemerhatian awal serta mengenal pasti hala tuju pembangunan bagi wilayah tersebut.</li> </ul>                                                                                                                                |
| <b>5.0</b>                 | Analisis Isu dan Potensi                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti isu dan potensi berdasarkan kepada Terma Rujukan dan rundingan bersama pihak berkepentingan.</li> </ul>                                                                                                                                                                             |
| <b>6.0</b>                 | Skop dan Pendekatan Kajian               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti skop dan pendekatan kajian berdasarkan kepada kekuatan dan tema-tema yang dikenal pasti memenuhi kehendak wawasan, matlamat dan objektif. Data dan maklumat yang diperlukan perlu dikenal pasti dan mengkaji kaedah atau teknik perancangan / analisis yang bersesuaian.</li> </ul> |
| <b>7.0</b>                 | Pengurusan Kajian                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Jadual kerja, jenis kajian lapangan, kos kajian dan jawatankuasa yang terlibat.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                         |